

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Tambahan
Sidang Akademik 1994/95

Mei/Jun 1995

JMG 414 - Geografi Ekonomi

Masa: [3 jam]

ARAHAN

1. Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.
2. Jawab soalan 1 (WAJIB) daripada Bahagian A dan mana-mana DUA soalan daripada Bahagian B. Jika calon menjawab lebih daripada tiga soalan, hanya tiga soalan pertama mengikut susunan dalam skrip jawapan akan diberi markah.
3. Bahagian A diperuntukkan 40 markah dan Bahagian B diperuntukkan 60 markah.

BAHAGIAN A (40 markah)

Jawab soalan 1 (WAJIB).

1. Pilih dan jawab EMPAT soalan berikut:

- (a) Jelaskan konsep penggunaan sumber dan penyalahgunaan sumber sebagai sebahagian daripada pengertian Geografi Ekonomi. (10 markah)
- (b) Bezakan pelbagai pola petempatan manusia yang menggambarkan struktur dan proses ruangan. (10 markah)
- (c) Apakah prinsip-prinsip asas dalam sebarang sistem kajian Geografi Ekonomi? (10 markah)
- (d) Bagaimanakah 'budaya' sesebuah masyarakat mempengaruhi tafsiran terhadap sumber? (10 markah)
- (e) Apakah tafsiran anda terhadap petroleum dan gas yang dianggap sebagai sumber yang tidak boleh digantikan semula? (10 markah)
- (f) Bezakan pengaruh rangkaian pengangkutan terhadap sosio-ekonomi yang bersifat keruangan dan yang tidak bersifat keruangan. (10 markah)

BAHAGIAN B (60 markah)

Pilih dan jawab mana-mana DUA soalan daripada bahagian ini.

2. Sejauh manakah pengeksploitan bahan-bahan sumber asli mempunyai hubungan denganimbangan ekosistem? Bincangkan. (30 markah)
3. Sejauh manakah pakatan dan kerjasama ekonomi serantau dapat meningkatkan aktiviti perdagangan antarabangsa di Negara-negara Dunia Ketiga? (30 markah)
4. Sejauh manakah usaha-usaha untuk mengatasi masalah kesesakan lalu lintas di bandar-bandar utama di seluruh dunia mencapai matlamatnya? Bincangkan. (30 markah)

oooOooo